

Nik Aziz minta UMNO guna pendekatan cara ilmiah

UM 29 MAR 2001

KOTA BHARU 28 Mac — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta UMNO menggunakan pendekatan cara ilmiah untuk menghapuskan Amanat Haji Hadi jika ia menyalahi ajaran Islam.

Beliau berkata, langkah itu boleh dibuat dengan meminta para alim ulama dalam UMNO menjawab balas segala kandungan amanat berkenaan dan membiarkan rakyat sendiri menilaikannya.

Katanya, gesaan pemimpin UMNO terhadap Timbalan Presiden Pas itu (Abdul Hadi Awang) agar menarik balik amanatnya dianggap tidak logik memandangkan Abdul Hadi merupakan tokoh ilmuwan.

“UMNO nak suruh Haji Hadi tarik maca mana, dia ini (Abdul Hadi) orang ilmuwan, dia bercakap dalam bentuk ilmu. Dia ini (Abdul Hadi) lulusan universiti Islam yang sangat terkemuka.

“Jadi kalau UMNO nak juga suruh (Abdul Hadi) tarik balik, serupalah kita suruh pencuri hantar balik barang yang dicuri, benda ini tidak berlaku sebab orang tidak buat,” katanya.

Punca

Beliau mengulas demikian sebagai kenyataan balas terhadap desakan para pemimpin UMNO termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai kontroversi Amanat Haji Hadi yang didapati punca yang menyebabkan perpecahan Melayu.

Ucapan Abdul Hadi yang kontroversi dan dikatakan penyebab kepada perpecahan dalam masyarakat kerana wujudnya isu kafir-mengkafir dibuat pada 7 April 1981 dalam satu majlis di Banggol Peradong, Terengganu.

Petikan ucapannya (Abdul Hadi) itu dikatakan mulai disebarkan sebagai Amanat Haji Hadi pada tahun 1983.

Bagaimanapun, dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia*, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu menafikan beliau mengkafirkan UMNO walaupun petikan ucapannya mengaitkan ‘jihad’ dan ‘syahid’ dalam perjuangan menentang UMNO.

Nik Aziz berkata, pendekatan ilmiah untuk mengatasi masalah kepercayaan rakyat terhadap amanat itu akan memberi peluang dan meyakinkan rakyat agar tidak menerima amanat itu lagi.